

Izham berasal dari Alor Setar, Kedah dilantik CEO syarikat penerbangan nasional Malaysia

MAS diterajui anak tempatan

Kosmo MS 6 21/10/2017

KUALA LUMPUR – Lembaga Pengarah Kumpulan Penerbangan Malaysia (MAG) dan Malaysia Airlines Bhd. (MAS) mengumumkan Kapten Izham Ismail dilantik sebagai Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan syarikat itu.

MAS dalam satu kenyataan berkata, Izham, 56, akan menyandang jawatan tersebut berkuat kuasa pada 1 Disember 2017 bagi menggantikan Peter Bellew yang menyertai semula syarikat Ryanair Holdings Plc. dan kini dalam cuti pentadbiran.

Menurut MAS, keputusan melantik Izham itu adalah selaras dengan pelan penggantian yang diputuskan syarikat sebagai sebahagian daripada 12 perkara dalam Pelan Pemulihan Malaysia Airlines (MRP).

Izham, yang mendapat latihan penerbangan di Philippines Airlines Aviation School memiliki 38 tahun pengalaman sebagai juruterbang MAS termasuk mengendalikan pesawat Boeing 747



SYARIKAT penerbangan nasional Malaysia, MAS kini diterajui Izham yang merupakan anak tempatan selepas Christoph Mueller dan Peter Bellew.



berterusan syarikat penerbangan itu.

Sebagai Ketua Pegawai Operasi (COO) MAS, beliau bertanggungjawab bagi bahagian operasi yang termasuk operasi penerbangan dan lapangan terbang serta kejuruteraan, kata kenyataan itu lagi.

“Beliau mengetuai penyusunan



KERATAN Kosmo! 18 Oktober 2017.

INFO Kapten Izham Ismail

- Mendapat latihan penerbangan daripada Philippines Airlines Aviation School
- Memulakan kerjaya dengan Malaysia Airlines Bhd. sebagai juruterbang terlatih sejak 1979
- Dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Malaysia Airlines Bhd. pada 1 November 2016
- Pernah memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif MASWings Sdn. Bhd.
- Beliau merupakan Pengarah Operasi Malaysia Airlines Bhd. dari tahun 2012 hingga 2015
- Memegang jawatan Ketua Pejabat Pengurusan Program Operasi bagi pemulihan Malaysia Airlines Bhd.
- Berpengalaman mengendalikan pelbagai jenis pesawat MAS seperti Fokker 27, Airbus 330 dan Boeing 747
- Terlibat dalam bidang pengurusan sejak menyertai Pasukan Pengurusan Operasi Penerbangan pada tahun 1990
- Bidang kemahiran beliau termasuk menguruskan projek berkaitan operasi penerbangan, perancangan dan latihan

INFO CEO MAS



DATUK SERI IDRIS JALA (DISEMBER 2005-OGOS 2009)



DATUK SERI TENGGU AZMIL ZAHRUDDIN RAJA ABDUL AZIZ (OGOS 2009-SEPTEMBER 2011)

dan Airbus 330.

“Bagi memastikan pertukaran berjalan lancar, Jawatankuasa Eksekutif Lembaga yang diketuai oleh Pengerusinya, Tan Sri Md. Nor Yusof akan dikekalkan bagi tempoh enam bulan.

“Izham akan mengambil alih tugas sebagai CEO pada 1 Disember 2017 selepas pemergian Peter Bellew yang masih dalam tempoh bercuti,” katanya dalam kenyataan itu yang dikeluarkan di sini semalam.

Kosmo! pada 18 Oktober lalu melaporkan Bellew, 50, yang berasal dari Ireland akan menyertai semula syarikat penerbangan tambang murah Ryanair bermula 1 Disember depan selepas lebih setahun menjadi CEO MAS.

Menurut kenyataan MAS, Izham telah memainkan peranan yang penting kepada usaha pemulihan

semula bahagian kejuruteraan bagi operasi yang lebih cekap dan lancar serta bertanggungjawab untuk inisiatif penjimatan bahan api syarikat penerbangan itu,” menurut MAS.

Izham yang berasal dari Alor Setar, Kedah memulakan kerjaya dengan MAS sebagai juruterbang pada tahun 1979.

Beliau telah memecahkan rekod penerbangan dunia apabila menerbangkan pesawat Boeing 777-200 pertama MAS pergi dan balik dari Seattle, Washington, Amerika Syarikat ke Kuala Lumpur.

Sebelum dilantik sebagai COO pada 2016, beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MASwings, syarikat sekutu Malaysia Airlines di Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, Md. Nor berkata, Izham mempunyai pemahaman

yang luas mengenai operasi syarikat penerbangan dan pengurusan perniagaan.

Katanya, beliau berbangga dan yakin Izham sebagai anak tempatan akan membawa syarikat penerbangan itu ke arah yang lebih maju serta memastikan segala perancangan berjalan lancar.

Izham ketika mengulas mengenai pelantikannya sebagai CEO berkata, beliau amat berbesar hati kerana diberikan kepercayaan memegang jawatan penting tersebut.

“Hampir keseluruhan hidup saya telah disumbangkan kepada MAS dan ia boleh diibaratkan sebagai keluarga sendiri.

“Tugas mengendalikan syarikat penerbangan negara merupakan satu tanggungjawab yang sangat besar. Namun, saya bersedia menghadapi sebarang cabaran bagi memastikan MAS mencapai

● Pernah mencipta rekod apabila menerbangkan pesawat Boeing 777-200 dari Seattle, Washington, Amerika Syarikat ke Kuala Lumpur dan dari Kuala Lumpur ke Seattle dengan jumlah masa penerbangan selama 41 jam 59 minit dengan jarak 37,513 kilometer

objektif digariskan dalam MRP,” katanya.

Dalam pada itu, Khazanah Nasional Bhd., yang merupakan pemegang saham tunggal MAS dalam satu kenyataan berkata, pelantikan Ismail sebagai CEO akan menjamin kesinambungan dan kemajuan keseluruhan usaha penstrukturan semula syarikat penerbangan tersebut di bawah pelan pemulihan MAS.



AHMAD
JAUHARI YAHYA
(SEPTEMBER 2011-
APRIL 2015)



CHRISTOPH
MUELLER
(MEI 2015-
JUN 2016)



PETER BELLEW
(JULAI 2016-
OKTOBER 2017)

Pelantikan CEO baharu dianggap pilihan terbaik



ISMAIL NASARUDDIN

KUALA LUMPUR – Kesatuan Kebangsaan Anak-Anak Kapal Kabin Penerbangan Malaysia (NUFAM) menganggapi pelantikan Kapten Izham Ismail sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Malaysia Airlines Bhd. (MAS) adalah pilihan terbaik kerana beliau sudah dikenali ramai dalam kalangan staf di syarikat penerbangan nasional itu.

Presidennya, Ismail Nasaruddin berkata, Izham merupakan seorang individu yang bagus dalam bidang tadbir urus

syarikat penerbangan kerana beliau bermula daripada peringkat bawahan.

“Pihak NUFAM berharap beliau (Izham) dapat berusaha dan tidak melepaskan jawatan seperti dua bekas CEO sebelum ini. Kami berharap MAS dapat berkembang selari dengan prestasinya yang sebenar.

“Kami juga berharap beliau dapat memberikan kerjasama kepada pekerja dan wakil-wakil NUFAM dalam pelbagai perkara dan masalah,” katanya ketika di-

hubung *Kosmo!* di sini semalam.

Sementara itu, bekas Pegawai Penyiasat Tentera Udara Diraja Malaysia, Kapten Abdul Rahmat Omar, 51, menyifatkan pelantikan Izham sebagai CEO MAS sesuatu yang tidak mengejutkan.

“Izham telah berkhidmat selama 38 tahun dalam bidang penerbangan dan memulakan kariernya bersama MAS sebagai juruterbang pada tahun 1979.

“Jadi tidak hairanlah beliau dipilih sebagai CEO MAS,” ujarnya.